

HARI : SABTU
TARIKH : 18/1/2020
M/SURAT : 4A

RON97 turun 9 sen, RON95, diesel kekal

Kuala Lumpur: Harga runcit petrol RON97 turun 9 sen kepada RM2.53 seliter manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal pada RM2.08 dan RM2.18 seliter, berkuat kuasa tengah malam tadi hingga 24 Januari.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam memaklumkan berdasarkan pengiraan mengikut formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu sepatutnya masing-masing

RM2.23 dan RM2.33 seliter.

"Ini menunjukkan penurunan dari minggu lalu bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.32 seliter dan diesel yang berada pada RM2.46 seliter.

"Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan kerajaan untuk menangguhkan Program Subsidi Petrol," menurut kenyataan itu. - Bernama